

Cuba kaburi rakyat dakwa rompakan senjata di Gerik sandiwara UMNO

Pas seleweng fakta — PM

UM 18 JUL 2000

Oleh ABDUL HAMID MOHAMAD
dan NIK KHUSAIRI IBRAHIM

KUCHING 17 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyelar sikap Pas yang cuba menyelewengkan fakta dan mengaburi rakyat dengan mendakwa peristiwa rompakan-senjata di Gerik, Perak oleh kumpulan Al-Ma'unah sebagai sandiwara UMNO.

Presiden UMNO menegaskan, tidak ada kepentingan bagi UMNO melakukan sandiwara itu sedangkan peristiwa tersebut adalah titik hitam yang sesiapa pun yang berfikiran waras tidak tergamak untuk berbuat demikian.

“Kalau dia (Pas) kata (peristiwa) sandiwara UMNO, saya agak kagum dengan UMNO kerana boleh suruh orang yang terang-terang menentang UMNO mengambil tindakan supaya akhirnya mereka ditangkap dan dihukum oleh mahkamah,” tegas Dr. Mahathir di sini, petang ini.

- Boleh dituduh menghasut — Muka 2
- Bertaubat segera — Muka 4
- 26 disiasat di Melaka — Muka-9

Perdana Menteri diminta mengulas beberapa laman web pembangkang termasuk Pas bahawa apa yang berlaku di sebalik peristiwa di Gerik itu sebenarnya adalah sandiwara UMNO semata-mata.

Risalah-risalah mengenai perkara yang sama turut diedarkan bersama kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor di merata tempat di seluruh negara termasuk masjid dan surau-surau.

Malah ada ahli-ahli parti pembangkang juga dikatakan terlibat di belakang penganjuran sembahyang hajat di tujuh masjid di Selangor untuk pembebasan dan kesejahteraan anggota Al-Ma'unah.

■ Lihat muka 4

Pas seleweng fakta — PM

UM 18 JUL 2000

Ini adalah kenyataan pertama. Dr. Mahathir yang menamakan Pas sebagai parti pembangkang yang turut memainkan sentimen dakwaan bahawa insiden di Gerik dan Sauk sebagai sandiwara UMNO.

Secara sinis, Dr. Mahathir berkata, sekiranya peristiwa itu sandiwara UMNO, sudah tentu ketua kumpulan Al-Ma'unah, Mohd. Amin Mohd. Razali merupakan seorang ahli UMNO yang cukup aktif kerana sanggup menggadai nyawa semata-mata kerana parti itu.

“Tentulah Amin ini (merupakan) ahli UMNO cukup kuat kerana dia sanggup gadai nyawa kerana UMNO.

“Kalau orang boleh percaya Amin ini sanggup gadai nyawa untuk UMNO maka bolehlah percaya apa yang didakwa oleh Pas bahawa ini (peristiwa) sandiwara UMNO,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak akan bertolak ansur dan bersikap pilih kasih terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan jenayah yang tidak berperikemanusiaan seperti itu.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pembangkang melakukan pembohongan besar apabila mereka-reka teori bahawa peristiwa itu adalah sandiwara UMNO.

Malah Panglima Medan Tentera Darat, Letenan Jeneral Datuk Seri Zaini Mohd. Said menyifatkan, sesiapa sahaja yang mendakwa kejadian di Gerik dan Sauk itu merupakan sandiwara kerajaan sebagai ‘gila dan tidak berakal’.

Katanya, tuduhan sedemikian menjatuhkan maruah pasukan keselamatan yang telah terkorban untuk negara dalam usaha mematahkan gerakan kumpulan tersebut.